Dato' Seri Dr Hilmi Yahaya

Dato' Seri Dr Hilmi Yah... | Timeline | Recent

Dato' Seri Dr Hilmi Yahaya
April 13

Pagi tadi saya merasmikan program Kempen Kesedaran Barah Usus Besar anjuran EMPOWERED (Persatuan Advokasi Kanser Malaysia).Peningkatan kadar kematian di kalangan pesakit kanser usus besar adalah berpunca daripada kegagalan untuk mendapatkan rawatan pada peringkat awal. Didapati bahawa kira-kira 60 peratus kes kanser usus besar dikesan pada tahap teruk. Di antara faktor yang menyumbang kepada perkara ini ialah tahap kesedaran yang masih rendah mengenai kepentingan menjalankan ujian saringan dan pengesanan awal. Di samping itu, terdapat pesakit yang lebih cenderung untuk mendapatkan rawatan alternatif berbanding rawatan di hospital di mana kebanyakan pesakit ini akhirnya akan kembali ke hospital pada peringkat kanser yang telah merebak (advanced stage). Ini jelas akan mengurangkan keberkesanan rawatan.

Kajian menunjukkan bahawa ujian saringan menggunakan immunological Feacal Occult Blood test (iFOBT), diikuti dengan ujian kolonoskopi boleh menurunkan kadar kematian kanser usus besar sebanyak 33 peratus. Memandangkan kejadian kanser usus besar didapati semakin meningkat di negara ini, pada tahun ini, KKM akan memulakan perkhidmatan saringan kanser usus besar menggunakan iFOBT di klinik-klinik kesihatan terpilih di seluruh negara. Ianya akan diikuti dengan ujian pengesahan mengunakan kolonoskopi, juga di hospital-hospital terpilih. Perkhidmatan saringan kanser usus besar ini mensasarkan lelaki atau wanita berusia 50 hingga 70 tahun tanpa mempunyai gejala.

Ucapan tahniah kepada EMPOWERED kerana telah berjaya menganjurkan program ini, yang sememangnya merupakan satu usaha yang terpuji untuk memperkasakan masyarakat, dalam meningkatkan kesedaran dalam pencegahan dan pengesanan awal kanser usus besar. — at Flat sri sabah 3b,cheras. (12 photos)



April 13, 2014 Kempen Kesedaran Barah Usus Besar anjuran EMPOWERED
(Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya's Facebook Like Page)



Dato' Seri Dr Hilmi Yahaya




Dato' Seri Dr Hilmi Yahaya








Dato' Seri Dr Hilmi Yahaya



Dato' Seri Dr Hilmi Yahaya


Sime Darby
YAYASAN
EMPOWERED
The Cancer Advocacy Society of Malaysia
EMPOWERED


EMPOWERED
EMPOWERED
The Cancer Advocacy Society of Malaysia




Dato' Seri Dr Hilmi Yahaya